



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MASYARAKAT BERILMU - NEGARA MAJU"

15 September 2023 / 29 Safar 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدًى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُفَّارٌ وَكَفَّارٌ بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amal; mudah-mudahan kita mendapat taufik dan hidayah, diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah yang Maha Esa. Menjelang sambutan Hari Malaysia pada 16 September, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "**MASYARAKAT BERILMU - NEGARA MAJU**"

Dengan izin Ilahi, pada 16 September 1963, negara Malaysia dimasyhurkan penubuhannya, menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Penubuhan negara Malaysia memulakan sejarah baharu bagi rakyat di rantau ini. Rakyat dari wilayah-wilayah yang terdiri dari pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa, berjaya disatukan menjadi warga negara kepada sebuah negara baharu, berpeluang menjalani kehidupan secara bebas berlandaskan Perlembagaan Negara dan undang-undang, dalam suasana yang aman dan damai. Sumber ekonomi negara dibangunkan bertujuan untuk memakmurkan negara dan demi kesejahteraan rakyat. Malaysia pernah menjadi sebutan sebagai sebuah negara contoh yang dihormati atas kejayaannya memupuk perpaduan rakyat yang pelbagai, dan atas kejayaan

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



memakmurkan ekonomi negara, terutama kejayaan membangunkan warga yang berilmu dan berpengetahuan, dan membantu rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan.

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Banyak negara yang telah merdeka, namun pemikiran rakyatnya masih dijah. Begitu juga banyak negara yang diisyiharkan telah merdeka, tetapi rakyatnya masih bergantung hidup kepada bantuan luar daripada segi tenaga mahir dan tenaga pakar, bahan makanan, bahan keperluan harian, maklumat, teknologi, pengetahuan dan pelbagai keperluan lain. Oleh itu ummah memiliki tanggungjawab memastikan kemerdekaan negara tidak hanya dicapai secara pengisytiharan, sedangkan rakyatnya masih mengemis dan bergantung pada kuasa dan pengaruh luar. Rakyatnya masih belum memiliki jiwa, minda dan budaya yang merdeka; rakyatnya belum berupaya berdikari, dan negaranya masih mundur dan tertinggal di belakang. Kemajuan negara boleh dicapai jika rakyatnya terdiri daripada rakyat yang berilmu dan berpengetahuan, rakyat yang menguasai pelbagai kemahiran dan kepakaran, serta memiliki akhlak dan nilai murni, beramanah juga berintegriti.

Islam diasaskan atas penguasaan ilmu, berpandukan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu perintah membaca. Dr Yusuf Al-Qaradawi (Allahyarham) memperingatkan bahawa umat Islam ialah umat ilmu - umat membaca. Al-Quran yang diturunkan kepada Baginda SAW menuntut ummahnya bersungguh-sungguh mempelajari dan mengkaji apa jua ilmu yang berfaedah dan mendatangkan kebaikan. Pendeta Za'aba (Allahyarham) menyuarakan pentingnya setiap bangsa ditekankan dengan empat perkara iaitu agama, sikap, pendidikan dan bahasa kerana kemiskinan dan kemunduran sesuatu bangsa amat berkait rapat dengan sikap dan pendidikan. Begitu juga tokoh pendidik Aminuddin Baki (Allahyarham) mengingatkan bahawa maju mundur dan hina mulianya sesuatu bangsa, bergantung pada tahap pendidikan dan penguasaan ilmu.

Tugas utama ummah yang dilantik menjadi khalifah ialah untuk memakmurkan muka bumi. Syarat terpenting dalam usaha memakmurkan muka bumi ialah menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ketika Nabi Adam AS dijadikan khalifah di muka bumi, Allah SWT mengajarkannya ilmu pengetahuan, firman Allah SWT ayat 31 surah al-Baqarah:



وَعَلَمَ إِدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالُوا إِنَّمَا يَأْتِيُونِي بِأَسْمَاءَ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Bermaksud: Dan Dia telah mengajar Adam segala nama benda dan kegunaannya, kemudian ditunjukkan kepada Malaikat, lalu Allah berfirman “Terangkanlah kepada Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar”.

Ayat ini menjadi bukti bahawa ilmu merupakan asas kelayakan Nabi Adam AS dan keturunan Baginda untuk menerima amanah sebagai khalifah. Sejarah membuktikan kesemua tamadun dunia, dibangunkan atas asas ilmu. Dan Islam menegaskan bahawa kemajuan ilmu dan sandarannya mestilah sentiasa dikembalikan kepada Tuhan Yang Maha Pencipta (إِنَّمَا يَأْتِيُونِي بِأَسْمَاءِ رِبِّكَ الَّذِي خَلَقَ).

Ilmu yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh setiap Muslim meliputi ilmu untuk memenuhi tuntutan melaksanakan fardu ain berkaitan syariat, tauhid, akidah dan iman; serta fardu kifayah yang merangkumi bidang-bidang sejarah, sains, teknologi, seni bina, kejuruteraan, perubatan, pertanian, perniagaan, kewangan, ketenteraan, dan pertahanan untuk mengurus kehidupan alam dan manusia. Pembinaan negara maju yang bertamadun tinggi bergantung pada rakyat yang berilmu dan berkemahiran. Al-Quran menuntut ummah menerokai ilmu yang berupaya menghasilkan penemuan baharu seperti firman Allah SWT;

فَاسْأُلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ...

Bermaksud: ...Oleh itu bertanyalah kamu kepada *ahl al-zikr* (orang-orang yang berpengetahuan), jika kamu tidak mengetahui. (Surah Al-Nahl, ayat 43)

*Ahlu al-zikr* bermaksud pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Manakala dalam perbincangan ilmu usul fiqah (asas-asas hukum), maksud yang terkandung di sebalik ayat 43 Surah Al-Nahl itu, ialah ummah perlu melahirkan ramai pakar dalam pelbagai bidang untuk dijadikan rujukan bagi menangani pelbagai perkara yang dihadapi oleh masyarakat.

### **Hadirlin yang dirahmati Ilahi,**

Negara maju yang kita inginkan adalah seperti yang disifatkan oleh Allah SWT, *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*, bermaksud “negeri yang baik dan mendapat keampunan Tuhan”. Al-Quran banyak menceritakan tamadun hebat kaum terdahulu, namun runtuh dan hancur apabila manusia menyangga perintah Allah SWT



seperti nasib yang menimpa kaum ‘Ad, kaum Thamud, dan kerajaan Firaun. Surah Saba’, ayat 15 hingga 17 merujuk kepada sebuah negeri iaitu Kerajaan Saba’ di Yaman yang dikurniakan pelbagai nikmat seperti tanah yang subur, udara yang nyaman dan pemandangan yang indah lagi damai, membolehkan penduduknya hidup sejahtera. Mereka diperintahkan agar bersyukur terhadap pelbagai nikmat yang diterima serta beriman dengan utusan Allah, namun mereka berpaling daripada kebenaran dan petunjuk, lalu Allah SWT membinasakan mereka sebagai balasan atas keingkaran yang dilakukan.

**Muslimin Rahimakumullah,**

Sempena sambutan Hari Malaysia, mimbar menyimpulkan beberapa peringatan:

**Pertama:** Kemerdekaan negara tidak bermakna jika sekadar berbentuk laungan tanpa pengisian. Kemerdekaan negara wajib dilengkapi dengan pengisian yang bermakna. Pengisian yang bermakna memerlukan orang-orang yang arif lagi bijaksana. Orang yang arif lagi bijaksana dapat dilahirkan melalui penguasaan ilmu dan kemahiran. Menjadi orang berilmu ialah sebahagian daripada tuntutan syarak.

**Kedua:** Penguasaan ilmu perlu ditunjangi dengan aqidah yang sahih, disertai dengan penghayatan nilai murni dan adab yang mulia. Manfaatkan waktu terluang dengan menambah ilmu dan pengetahuan melalui usaha muhu memahami dan menghayati kandungan al-Quran, membaca serta melakukan rujukan dan penyelidikan, juga mengikuti majlis-majlis ilmu.

**Ketiga:** Lautan ilmu tersangat luas dan dalam. Tidak ada noktah terhadap usaha mencari dan menguasai ilmu. Amalkan budaya belajar sepanjang hayat supaya menjadi insan berilmu yang dapat memberikan sumbangan berharga kepada masyarakat dan negara.

**Keempat:** Negara akan bertambah maju, berjaya dan makmur jika rakyatnya terdiri daripada orang-orang berilmu dan berkemahiran. Negara dan masyarakat sewajibnya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik untuk menghidupkan minat mendalam rakyat terhadap ilmu dan kemahiran.



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ شَلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْلَفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِئْتُهُمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Jadikanlah kami masyarakat berilmu, mencintai ilmu dan membudayakan ilmu dalam kehidupan. Kurniai kami sifat cinta negara, bersikap jujur dan ikhlas berbakti kepada negara kerana Allah SWT. Kekalkan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara kami.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!,** berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!,** jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!,** jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَاعِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَيْ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.